



DYG HAJAH ROKIAH BINTI HAJI BADAR

Pengarah Urusan Autoriti Monetari Brunei Darussalam

TEKS UCAPAN ALU-ALUAN

AUTORITI MONETARI BRUNEI DARUSSALAM (AMBD)

10TH YEAR ANNIVERSARY (2011-2021) SEMINAR

23 JUN 2021

RIZQUN INTERNATIONAL HOTEL, GADONG

Bismillahirrahmaanirrahiim

Alhamdulillah Rabbil 'Alameen, Wassalaatu Wassalaamu 'Alaa Asyrafil
Ambiya E'Walmursaleen, Sayyidinaa Muhammadin, Wa'ala Aalihee
Wasahbihee Ajma'een, Waba'du

Yang Berhormat

Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud
Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Selaku Ahli Lembaga Pengarah Autoriti
Monetari Brunei Darussalam (AMBD)

Yang Berhormat

Ahli-Ahli Majlis Mesyuarat Negara

Yang Mulia

Ahli-Ahli Lembaga Pengarah AMBD

Yang Mulia

Setiausaha-Setiausaha Tetap dan Timbalan-Timbalan Setiausaha Tetap,

Ketua-Ketua Jabatan, Pegawai-Pegawai Kanan,

Para Jemputan, hadirin-hadirat yang saya hormati sekalian

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan selamat pagi.

1. Terlebih dahulu, saya dan warga AMBD begitu berbesar hati untuk mengalu-alukan kehadiran Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud selaku tetamu kehormat di majlis yang amat bermakna buat AMBD ini, iaitu seminar sempena ulang tahun penubuhan AMBD kali kesepuluh. Saya juga ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi terima kasih di atas kehadiran para hadirin dan hadirat sekalian, yang sudi meluangkan masa untuk bersama-sama di majlis memperingati ulangtahun penubuhan AMBD ke-10 pada pagi ini.

Firstly, we are honoured to welcome Yang Berhormat Dato Seri Setia Haji Awang Abdul Mokti bin Haji Mohd Daud as Guest of Honour of this memorable event, that is, AMBD's 10th Year Anniversary Seminar. I would also like to express my sincerest appreciation to everyone in attendance here today to commemorate AMBD's 10th anniversary.

2. Alhamdulillah, syukur kehadiran Allah Subhanahu Wata'ala kerana dengan izinNya jua, AMBD telah berjaya melewati satu dekad, beroperasi sebagai sebuah bank pusat di Negara Brunei Darussalam sejak tahun 2011. Secara peribadi, setelah berkhidmat dengan AMBD kurang dari dua tahun, saya telah melihat peranan dan tanggungjawab AMBD yang semakin meluas, seiring dengan perubahan landskap kewangan yang sangat pesat berkembang, berbanding semasa saya berkhidmat di Lembaga Matawang dan Monetari Brunei (Brunei Currency and Monetary Board) selama 5 tahun, dua dekad yang lalu iaitu semasa ianya masih merupakan sebuah agensi di bawah Kementerian Kewangan, dengan peranan utamanya selaku bank pusat yang melaksanakan *Currency Board arrangement*, pengeluar matawang dan seumpamanya.

Alhamdulillah, all praises to Allah Subhanahu Wata'ala that, with His blessings, AMBD is now into its tenth year of operations as the central bank of Brunei Darussalam since 2011. Having only been with AMBD just short of 2 years, I have seen AMBD's roles and responsibilities expand greatly in line with the rapidly changing financial landscape, compared

to when I served on the Brunei Currency and Monetary Board for 5 years two decades ago when it was still under the Ministry of Finance, with its main role as a central bank carrying out the Currency Board arrangement, currency issuer and the like.

Hadirin dan hadirat sekalian,

3. Mengenang kembali bagaimana saat bermulanya penubuhan AMBD ini, Alhamdulillah, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, bersempena Hari Keputeraan Baginda yang ke enam puluh empat (64) pada 15 Julai 2010, telah bertitah bagi penubuhan sebuah autoriti monetari selaras dengan amalan terbaik antarabangsa. Manakala, bersempena Awal Tahun Masihi 2011, Baginda telah bertitah antarlainnya bagi AMBD akan sentiasa memastikan sektor monetari dan kewangan negara berfungsi dengan stabil dan teratur. Di sebalik bermulanya operasi AMBD ini, saya berpendapat ia bukan sahaja disebabkan oleh penguatkuasaan Perintah Autoriti Monetari Brunei Darussalam, 2010, malah, amanah yang telah dipertanggungjawabkan dan kepercayaan yang telah diberikan oleh Baginda ini juga adalah pencetus penggerak bermulanya operasi Autoriti ini.

Reminiscing on the moment AMBD was first established, Alhamdulillah, His Majesty The Sultan and Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam during His Majesty's 64th Royal Birthday on 15 July 2010 consented for the establishment of a monetary authority which is in line with international best practices. Meanwhile, in His Majesty's Titah in conjunction with the new year in 2011, His Majesty had emphasized that AMBD will continue to ensure the stability of the monetary and financial sector. On the operationalisation of AMBD, I believe it is not only due to the enforcement of the Autoriti Monetari Brunei Darussalam Order, 2010, but also the trust and confidence given by His Majesty, as the driving force behind the commencement of AMBD's operations.

4. Penubuhan AMBD telah melakar sejarah yang penting dalam pembangunan sektor kewangan di Negara Brunei Darussalam, yang mana negara kita telah maju ke hadapan untuk mengikut jejak langkah negara-negara yang membangun dan sedang membangun di arena global. Sebelum penubuhan Autoriti ini, beberapa fungsinya telah dijalankan oleh Kementerian Kewangan iaitu Lembaga Matawang dan Monetari Brunei; Pusat Kewangan Antarabangsa Brunei, Bahagian Institusi Kewangan, dan Bahagian Penyelidikan dan Antarabangsa. Lazimnya, salah satu peranan utama bank pusat atau autoriti monetari adalah untuk menentukan kestabilan harga dan kestabilan kewangan secara autonomi, dan seterusnya menyumbang kepada perkembangan kewangan dan ekonomi bagi sesebuah negara.

The establishment of AMBD was hailed as a significant milestone in the development of Brunei Darussalam's financial sector, following the footsteps of developed and developing countries around the world. Prior to AMBD, several functions of AMBD were already being carried the Ministry of Finance, namely the Brunei Currency and Monetary Board; Brunei International Financial Centre; Financial Institutions Division; and Research and International Division. One of the compelling reasons for a central bank or monetary authority in this case, is to maintain independence to achieve price and financial stability and in turn contribute to the financial and economic development of a nation.

5. Sebagai sebuah badan berkanun, AMBD ditubuhkan dengan empat matlamat utama iaitu:
 - Pertama – kestabilan harga tempatan;
 - Kedua – kestabilan sistem kewangan;
 - Ketiga – sistem pembayaran yang cekap; dan
 - Terakhir – sektor perkhidmatan kewangan yang mapan dan progresif.

As a statutory body, AMBD was established to focus on 4 main objectives, that are -

- First – domestic price stability;
- Second – stability of the financial system
- Third – efficient payment systems; and
- Lastly – sound and progressive financial services sector.

Hadirin dan hadirat sekalian,

6. Pada permulaan penubuhan Autoriti ini, AMBD mengalami pelbagai cabaran, dengan peralihan pentadbirannya dari struktur Kerajaan kepada sebuah badan berkanun yang berautonomi. Saya juga difahamkan bahawa pada beberapa tahun pertamanya, AMBD lebih fokus kepada mempertingkatkan keupayaan organisasi dari segi operasi dan teknikal, dan pada masa yang sama, perlu mengharungi suasana pemulihan krisis kewangan global.

The early days of AMBD were challenging – as we transitioned from a government structure to an independent statutory body. I understand that the first few years were spent on building our organisational capacities - operational and technical, while navigating an environment that was still recovering from a global financial crisis.

7. Di kesempatan ini, saya ingin mengambil peluang untuk menjunjung kasih setinggi-tingginya Kehadapan Majlis Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Mahkota Pengiran Muda Haji Al-Muhtadee Billah ibni Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Menteri Kanan Di Jabatan Perdana Menteri selaku Pengerusi Lembaga Pengarah AMBD di atas pimpinan bijaksana, bimbingan dan sokongan yang telah diberikan sejak penubuhan AMBD sejak tahun 2011. Saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada ahli-ahli Lembaga Pengarah AMBD sekarang dan juga ahli-ahli Lembaga Pengarah terdahulu, mantan

pengarah-pengarah urusan dan juga pegawai dan kakitangan AMBD, sama ada yang masih berkhidmat atau telah bersara, yang telah sama-sama gigih berusaha dan bekerja untuk menyediakan AMBD dengan asas yang kukuh sebagai sebuah organisasi yang baharu.

On this note, I would like to take this opportunity to express my sincere thanks and gratitude to our Chairman His Royal Highness Prince Al-Muhtadee Billah ibni His Majesty Sultan Haji Hassan al-Bolkiah Mu'izzadin Waddaulah, The Crown Prince and Senior Minister at the Prime Minister's Office as Chairman of AMBD for his wise leadership, guidance and support since AMBD's establishment in 2011. I would also like to thank current and former directors of AMBD Board of Directors, my predecessors, and staff who have worked tirelessly in providing AMBD a strong foundation as a new organisation.

8. Disebabkan kerja keras dan bimbingan mereka inilah, saya dapat menerajui organisasi yang siap siaga mulai bulan Oktober 2019 yang lalu. Pada pagi ini, saya ingin mengongsikan detik yang tidak dapat saya lupakan di dalam tempoh awal perkhidmatan saya di AMBD. Jelas di ingatan saya, dengan penularan wabak COVID-19, AMBD sudah mula memantau situasi tersebut seawal bulan Januari 2020 serta mempertimbangkan implikasi dan risikonya terhadap AMBD, khususnya berhubung pegawai dan kakitangan yang melakukan perjalanan ke luar negara pada masa itu. Menjelang bulan Februari 2020, AMBD telah memulakan perbincangan dan memberikan nasihat kepada institusi-institusi kewangan untuk sentiasa berwaspada dan membuat rancangan kemungkinan wabak tersebut menular ke Negara Brunei Darussalam. Pada pertengahan bulan Mac 2020, AMBD telah siap sedia untuk mengaktifkan Pelan Kesyinambungan Perniagaan (*Business Continuity Plan*) pandemik korporat berikutan panduan dan nasihat dari Kementerian Kesihatan.

It is because of their hard work and guidance I was able to take the helm of a ready organisation in October 2019. This morning, I would like to share an unforgettable moment at the start of my service in AMBD. I remember that AMBD was already monitoring the COVID-19 situation as early as January 2020 and considering its implications and the risks to our organisation, in particular, our staff traveling outside the country at the time. By February 2020, AMBD had begun consultations with the financial institutions and had advised them to be alert and put in place plans on the possibility of an outbreak in Brunei Darussalam. We were ready to put in place our corporate pandemic Business Continuity Plan (BCP) by mid-March 2020, following the guidelines and advice from the Ministry of Health (MOH).

9. Alhamdulillah, di bawah kepimpinan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, pihak Kerajaan telah bertindak pantas melakukan pelbagai usaha dan langkah signifikan yang menyeluruh untuk membendung penyebaran COVID-19 secara meluas di negara ini disamping menggalakkan usaha pemulihan ekonomi serta mengekalkan aktiviti-aktiviti sosial dan ekonomi. Pada akhir bulan Mac 2020, AMBD juga tidak ketinggalan dan turut serta menyokong Pakej Rangsangan Ekonomi Kerajaan. Dengan membenarkan pihak bank dan syarikat kewangan untuk menangguhkan sementara bayaran balik pinjaman, bebanan individu dan perniagaan yang terjejas oleh COVID-19 dapat dikurangkan. Pengecualian dari yuran dan caj bagi pemindahan dana antara bank tempatan kepada semua pelanggan bank juga berhasil dilaksanakan dengan kerjasama Persatuan Bank-Bank Brunei. Secara keseluruhannya, tahun 2020 bukan sahaja menunjukkan kedayatahan AMBD serta ketangkasan untuk menyesuaikan diri dengan norma baru, bahkan ia mencerminkan kemampunan sistem kewangan negara yang terus berdaya tahan.

Alhamdulillah, under the leadership of his Majesty, the government acted quickly and carried out significant efforts to contain the wide-spread of COVID-19 in the country while promoting economic recovery efforts and preserving the resumption of social and economic activities. By the end of March 2020, AMBD was able to support the Government's Economic Stimulus Package. By allowing banks and financial institutions to temporarily defer loan payments, we were able to ease the burden of repayment on individuals and businesses affected by COVID-19. The ongoing temporary waiver of local interbank fund transfer fees and charges to all bank customers was also made possible with the cooperation of Brunei Association of Banks (BAB). Overall, 2020 has not only demonstrated AMBD's resilience and the agility to adapt to the new norm, but also reflected the sustainability of the country's financial system which remains robust.

Hadirin dan hadirat sekalian,

10. Selain daripada meraikan pencapaian AMBD sejak penubuhannya, majlis pada pagi ini berhasrat untuk meningkatkan kesedaran mengenai peranan AMBD dan pada masa yang sama, untuk mengongsikan sedikit sebanyak sejarah dan perjalanan yang telah diharungi. Melalui seminar ini, pihak AMBD juga akan menyampaikan mengenai tugas dan tanggungjawab utama AMBD serta kaitannya dalam menyumbang kepada ekonomi negara.

Apart from celebrating AMBD's achievements since its inception, today's event aims to provide greater awareness on AMBD's role and at the same time share a little bit about our history and journey. Through this seminar, we also hope to be able to share insights on our roles and responsibilities and how it contributes to the economy.

11. Di samping itu, seminar ini adalah juga sebagai wadah untuk melibatkan dan mengongsikan hala tuju AMBD pada masa hadapan. Ini diharap akan menyuntik kesedaran khususnya terhadap isu-isu yang berkemungkinan mempunyai kepentingan bersama. AMBD mengalu-alukan kolaborasi dan kerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan yang berkenaan ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

The seminar today is organised as a platform to engage with you and to share our directions for the future. We hope to be able to raise awareness on issues that may be of interest you and your organisation. AMBD welcomes collaboration and coordination with other organisations in order to achieve shared Wawasan Brunei 2035 goals.

12. Saya ingin menekankan bahawa AMBD sangat mementingkan hubungan rapat dengan pihak yang berkepentingan, di dalam mahu pun di luar negara. Oleh itu, di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pelbagai pihak yang berkepentingan dan rakan kongsi yang sama-sama turut hadir pada pagi ini dan juga yang berada di luar negara, atas kerjasama yang diberikan, yang memudahkan Autoriti ini untuk menjalankan mandat yang telah diamanahkan di sepanjang 10 tahun penubuhannya.

I would like to emphasise that AMBD places great importance on our relationship with our stakeholders – internal and external, at home and abroad. So, I would like to thank this opportunity to thank our various stakeholders and partners, some whom are represented here today, on the cooperation and collaboration provided that has made it possible for AMBD to fulfill our mandates and more these past 10 years.

13. Akhir kata, saya sekali lagi ingin merakamkan penghargaan kepada mantan pengarah-pengarah urusan, pegawai-pegawai dan kakitangan AMBD yang telah memberikan komitmen sepenuhnya kepada perkembangan AMBD dan ekonomi negara.

Last but not least, I would like to express my gratitude to AMBD and my predecessors as well as current and former officers and staff who have devoted themselves to the development of AMBD and our economy.

Sekian Wabillahi Taufik Wal-Hidayah Wassalamu`alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.